

BAB 3

TATABAHASA DEWAN

3.1 PENGENALAN

Buku **Tatabahasa Dewan** (1996) diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, merupakan gabungan Tatabahasa Dewan Jilid I (1986) dan Tatabahasa Dewan Jilid II (1989). Buku **Tatabahasa Dewan** (TBD) ditulis oleh Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa, dan Abdul Hamid Mahmood.

Buku TBD Edisi Baharu ini mengandungi beberapa penambahan dan pindaan pada bahagian-bahagian tertentu dengan tujuan memantapkan lagi buku TBD sebagai sebuah buku tatabahasa bahasa Melayu yang menjadi rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran, di samping menjadi sebuah buku tatabahasa pegangan bagi pengguna bahasa Melayu.

3.2 JENIS PENULISAN NAHU TATABAHASA DEWAN

Buku TBD menggunakan penulisan nahu jenis bebas konteks dan nahu tradisional. Penulisan nahu jenis bebas konteks yang digunakan dalam buku TBD ialah nahu ayat dan nahu pola.

Mengikut Azhar M. Simin (1993), jenis nahu ayat menggunakan ayat-ayat peribadi, idiolek, buatan, dan tunggalan sebagai asas untuk membuat pernyataan tentang sintaksis bahasa Melayu. Penulisan nahu ayat kebanyakannya dibuat beracuankan teori nahu transformasi generatif bahasa Inggeris. Manakala nahu pola adalah "acuan" untuk membuat ayat-ayat dasar Melayu bebas konteks.

Menurut Azhar M. Simin lagi, dalam satu maksud tertentu, nahu ayat serupa sahaja dengan nahu pola kerana kedua-duanya adalah nahu bebas konteks. Jika nahu pola adalah nahu senarai, maka nahu ayat pola adalah pengetahuan "terbatin" yang ada pada seseorang penutur Melayu yang terdiri daripada satu set rumus tertentu yang boleh menyenaraikan set penuh ayat sesuatu bahasa.

Buku tatabahasa ini turut menggunakan penulisan nahu jenis tradisional memandangkan ianya dihasilkan berdasarkan buku PBM yang dikarang oleh Za'ba. Pihak DBP telah meminta supaya dihasilkan sebuah

buku yang boleh dijadikan pegangan khasnya oleh para pelajar, guru, serta orang ramai memandangkan perubahan yang berlaku pada bahasa Melayu masa kini. Manakala buku-buku tatabahasa yang ditulis sebelum ini ditulis melalui pendekatan ilmiah, dan cara penghuraiannya tidak dapat dijadikan pegangan oleh guru-guru di sekolah khasnya.

3.3 PENGHASILAN BUKU TATABAHASA DEWAN

Buku TBD ditulis kerana wujudnya ketidakseragaman dalam menghuraikan tatabahasa bahasa Melayu di negara kita. Berdasarkan beberapa buah buku tatabahasa yang telah ditulis oleh ahli-ahli bahasa tanah air, didapati banyak berlakunya percanggahan dalam memperkatakan unsur-unsur penting dalam tatabahasa itu. Antaranya ialah jumlah bentuk kata, golongan kata, proses pembentukan kata, pola ayat dasar dalam bahasa Melayu, proses penerbitan ayat, dan sebagainya.

Dewan Bahasa dan Pustaka bertanggungjawab dalam mengupayakan penghasilan sebuah buku tatabahasa pegangan. Tugas ini dinamakan pengkodan, iaitu menghasilkan buku-buku pegangan supaya tidak timbul sebarang kekeliruan di kalangan para pengguna bahasa Melayu.

Penghasilan buku TBD dikatakan telah mengurangkan banyak kekeliruan di kalangan pengguna bahasa Melayu. Bahasa Melayu kini mempunyai sistem tatabahasa yang mantap. Penghasilan TBD Edisi Baharu membuktikan bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka peka dengan hal-hal semasa terutamanya dengan pandangan, teguran, serta cadangan daripada banyak pihak sehingga menjadikannya sebagai sebuah buku tatabahasa pegangan yang lebih mantap.

3.4 ASPEK YANG DIBINCANGKAN DALAM TATABAHASA DEWAN

Buku tatabahasa ini memberi penekanan yang seimbang dalam aspek morfologi dan sintaksis. Kedua-dua aspek ini dapat menjadi panduan yang lengkap melalui pendekatan eklektik ataupun gabungjalin.

3.4.1 ASPEK MORFOLOGI

Aspek morfologi yang dibincangkan dalam buku TBD meliputi bentuk dan pembentukan kata, golongan kata, dan pembentukan perkataan baharu.

3.4.1.1 BENTUK DAN PEMBENTUKAN KATA

Bahasa Melayu mempunyai empat bentuk kata, iaitu kata tunggal, kata terbitan, kata majmuk, dan kata ganda. Pembentukan kata pula terbahagi kepada tiga proses, iaitu proses pengimbuhan, proses pemajmukan, dan proses penggandaan.

Kata tunggal merupakan perkataan yang tidak menerima sebarang imbuhan atau pengandaan. Kata terbitan lahir daripada proses pengimbuhan. Kata majmuk pula ialah proses merangkaikan dua kata dasar atau lebih yang membawa makna baharu yang berlainan dengan maksud kata dasar yang dipilih. TBD menetapkan kata majmuk dieja secara terpisah. Walau bagaimanapun, TBD menyenaraikan lima belas perkataan kata majmuk yang telah mantap yang perlu dieja secara bercantum. Manakala kata ganda lahir daripada proses penggandaan sama ada secara penggandaan penuh, penggandaan separa, atau penggandaan berentak.

3.4.1.2 GOLONGAN KATA

Buku tatabahasa TBD menetapkan hanya ada empat golongan kata sahaja dalam bahasa Melayu. Empat golongan kata tersebut ialah kata nama, kata kerja, kata adjektif, dan kata tugas.

Golongan kata nama ialah perkataan yang menjadi unsur atau inti kepada binaan frasa nama. Kata nama terbahagi kepada tiga, iaitu kata nama am, kata nama khas, dan kata ganti nama, serta boleh dibahagikan kepada bentuk kata nama tunggal, kata nama terbitan, kata nama majmuk, dan kata nama ganda.

Golongan kata kerja ialah perkataan yang menjadi inti bagi binaan frasa kerja yang terbahagi kepada kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif. Kata kerja transitif memerlukan penyambut manakala kata kerja tak transitif tidak memerlukan penyambut. Kata kerja juga boleh dibahagikan kepada empat bentuk, iaitu kata kerja tunggal, kata kerja terbitan, kata kerja majmuk, dan kata kerja ganda.

Golongan kata adjektif ialah perkataan yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif. Kata adjektif didahului atau diikuti oleh kata penguat. Kata adjektif mempunyai sembilan subgolongan, iaitu kata adjektif keadaan, warna, bentuk, waktu, jarak, cara, perasaan, dan pancaindera. Kata adjektif juga boleh dibahagikan kepada empat bentuk, iaitu bentuk tunggal, terbitan, majmuk, dan ganda. Kata adjektif digunakan untuk menyatakan tiga darjah perbandingan, iaitu darjah biasa, darjah bandingan, dan darjah penghabisan. Semua darjah perbandingan merujuk kepada kata penguat yang hadir di hadapan, di belakang, atau hadir di hadapan dan belakang kata adjektif secara serentak.

Kata tugas hadir dalam ayat, klausa, dan frasa sebagai mendukung sesuatu tugas sintaksis tertentu. TBD mengelompokkan kata tugas kepada empat, iaitu penyambung ayat, praklausa, prafrasa, dan pascakata. Kata hubung gabungan dan kata hubung pancangan di bawah kelompok penyambung ayat. Kata seru, kata tanya, kata perintah, kata pembenar, dan kata pangkal ayat di bawah praklausa. Kata bantu, kata penguat, kata penegas, kata nafi, kata pemerih, kata sendi nama, kata arah, dan kata bilangan di bawah kelompok prafrasa. Manakala kata penekan dan kata pembenda di bawah kelompok kata pascakata.

3.4.1.3 PEMBENTUKAN PERKATAAN BAHARU

Buku tatabahasa TBD turut membincangkan aspek pembentukan perkataan baharu bagi mendukung konsep atau perkara baru yang timbul dalam masyarakat pengguna bahasa. Pembentukan perkataan baharu ini timbul melalui proses perancangan bahasa dan penggunaan bahasa secara popular. Pembentukan perkataan baharu ini adalah perlu bagi memenuhi keperluan terhadap bidang yang baru muncul, contohnya seperti bidang teknologi maklumat. Proses yang terlibat ialah proses pengayaan yang melibatkan bidang-bidang bunyi bahasa, pembentukan kata, dan perbendaharaan kata.

3.4.2 ASPEK SINTAKSIS

Buku tatabahasa TBD membincangkan lapan aspek yang berkaitan dengan bidang sintaksis. Aspek-aspek yang dibincangkan tersebut ialah:

3.4.2.1 STRUKTUR BINAAN AYAT

Binaan sesuatu ayat mempunyai dua bahagian, iaitu subjek dan predikat. Bahagian subjek hadir di hadapan ayat, dan menjadi judul atau unsur yang diterangkan. Bahagian predikat ayat merupakan unsur yang menerangkan subjek.

3.4.2.2 AYAT DASAR DAN AYAT TERBITAN

Buku tatabahasa TBD membahagikan ayat kepada dua bentuk, iaitu ayat dasar dan ayat terbitan. Ayat dasar menjadi sumber kepada pembentukan atau terbitan ayat-ayat lain. Dalam bahasa Melayu terdapat empat pola ayat dasar, iaitu FN + FN, FN + FK, FN + FA, dan FN + FSN.

3.4.2.3 SUSUNAN DALAM AYAT

TBD membahagikan susunan ayat dalam bahasa Melayu kepada dua, iaitu susunan biasa dan susunan songsang. Sesuatu ayat itu

bersusunan songsang apabila bahagian predikat ayat mendahului bahagian subjek ayat.

3.4.2.4 RAGAM AYAT

Buku tatabahasa TBD membincangkan dua ragam ayat yang terdapat dalam bahasa Melayu. Ragam ayat tersebut ialah ayat aktif dan ayat pasif. Ayat aktif mengandungi kata kerja yang mengutamakan subjek asal sebagai judul, manakala ayat pasif mengutamakan subjek terbitan sebagai judul.

3.4.2.5 JENIS-JENIS AYAT

Dalam bahasa Melayu terdapat empat jenis ayat, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah, dan ayat seruan. Masing-masing jenis ayat mempunyai tujuan tertentu dalam pengujarannya atau pengungkapannya.

3.4.2.6 FRASA-FRASA

Dalam bahasa Melayu terdapat empat jenis frasa, iaitu:

- 1) Frasa Nama terdiri daripada satu perkataan atau beberapa perkataan yang berfungsi sebagai unsur atau konstituen dalam binaan ayat. FN berfungsi sebagai subjek dan

predikat dalam pola ayat FN + FN. Mengikuti Hukum D-M, unsur yang diterangkan hadir pada kedudukan pertama, diikuti oleh unsur menerangkan.

- 2) Frasa kerja terdiri daripada satu perkataan atau lebih dengan kata intinya ialah kata kerja. Dari segi binaan, frasa kerja boleh dibahagikan kepada binaan Frasa Kerja Tanpa Objek dan binaan Frasa Kerja Dengan Objek.
- 3) Frasa adjektif terdiri daripada satu atau beberapa perkataan yang mengandungi kata adjektif sebagai kata intinya. Frasa adjektif berfungsi sebagai predikat, unsur penerang, hadir selepas kata kerja, dan sebagai unsur penerang. Susunan frasa adjektif dalam ayat terbahagi tiga, iaitu sebagai predikat (selepas subjek), sebagai keterangan (selepas frasa), dan sebagai penerang (selepas frasa nama).
- 4) Frasa sendi nama ialah satu binaan ayat yang terdiri daripada satu kata sendi nama, dan satu frasa nama yang menjadi pelengkap kepada kata sendi nama. Kata sendi ialah bentuk morfem yang letaknya di hadapan frasa nama.

3.4.2.7 AYAT

Ayat merupakan unit pengucapan yang paling tinggi letaknya dalam susunan tatabahasa serta mengandungi makna yang lengkap. Ayat boleh terbentuk daripada satu perkataan atau susunan beberapa perkataan. Ayat dapat digolongkan kepada ayat dasar dan ayat tunggal. Manakala hasil daripada percantuman dua ayat tunggal atau lebih, disusun dengan cara tertentu akan melahirkan ayat baharu, iaitu ayat majmuk. Tiga jenis ayat majmuk yang terhasil ialah ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan, dan ayat majmuk campuran.

3.4.2.8 PROSES TRANSFORMASI AYAT

Teori transformasi generatif (TG) mengandaikan bahawa ayat terdiri daripada dua peringkat, iaitu struktur dalaman (SD) dan struktur permukaan (SP). Dalam bahasa Melayu, proses penerbitan ayat dilakukan melalui proses transformasi yang mengakibatkan proses pengguguran, proses penyusunan semula dan proses perluasan.

3.4.3 ASPEK BAHARU

Berdasarkan perkara-perkara yang dibincangkan didapati ada beberapa aspek baharu diketengahkan oleh TBD. Dalam aspek morfologi,

3.4.2.7 AYAT

Ayat merupakan unit pengucapan yang paling tinggi letaknya dalam susunan tatabahasa serta mengandungi makna yang lengkap. Ayat boleh terbentuk daripada satu perkataan atau susunan beberapa perkataan. Ayat dapat digolongkan kepada ayat dasar dan ayat tunggal. Manakala hasil daripada percantuman dua ayat tunggal atau lebih, disusun dengan cara tertentu akan melahirkan ayat baharu, iaitu ayat majmuk. Tiga jenis ayat majmuk yang terhasil ialah ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan, dan ayat majmuk campuran.

3.4.2.8 PROSES TRANSFORMASI AYAT

Teori transformasi generatif (TG) mengandaikan bahawa ayat terdiri daripada dua peringkat, iaitu struktur dalaman (SD) dan struktur permukaan (SP). Dalam bahasa Melayu, proses penerbitan ayat dilakukan melalui proses transformasi yang mengakibatkan proses pengguguran, proses penyusunan semula dan proses perluasan.

3.4.3 ASPEK BAHARU

Berdasarkan perkara-perkara yang dibincangkan didapati ada beberapa aspek baharu diketengahkan oleh TBD. Dalam aspek morfologi,

TBD telah berjaya menyelesaikan beberapa masalah mengenai bentuk kata dan proses pembentukan kata.

TBD telah menetapkan bahawa hanya ada empat bentuk kata dalam bahasa Melayu, iaitu bentuk kata tunggal, kata terbitan, kata majmuk, dan kata ganda. Sebelum ini tidak ada bilangan bentuk kata yang tetap. Asmah Hj. Omar, Abdullah Hassan, Lutfi Abas, dan Arbak Othman telah memberikan jumlah bentuk kata yang berbeza bilangannya.

Bagi proses pembentukan kata pula, TBD telah menetapkan hanya ada tiga proses sahaja dalam bahasa Melayu, iaitu proses pengimbuhan, proses pemajmukan, dan proses penggandaan. TBD tidak menganggap akronim sebagai satu proses dengan alasan bahawa proses pembentukannya yang longgar di samping tidak berlandaskan prinsip-prinsip morfologi yang jelas. TBD telah menolak proses tersebut untuk mengelakkan kekeliruan di kalangan pengguna, serta tidak mahu kata akronim dibentuk dengan sewenang-wenangnya seperti yang berlaku di Indonesia.

TBD turut menjelaskan status pengimbuhan asing. Semua imbuhan asing hendaklah dieja secara bercantum dengan kata dasarnya. Sebelum ini ramai yang agak keliru dengan sistem pengejaan perkataan yang mempunyai imbuhan asing.

TBD telah berjaya menyelesaikan beberapa masalah mengenai bentuk kata dan proses pembentukan kata.

TBD telah menetapkan bahawa hanya ada empat bentuk kata dalam bahasa Melayu, iaitu bentuk kata tunggal, kata terbitan, kata majmuk, dan kata ganda. Sebelum ini tidak ada bilangan bentuk kata yang tetap. Asmah Hj. Omar, Abdullah Hassan, Lutfi Abas, dan Arbak Othman telah memberikan jumlah bentuk kata yang berbeza bilangannya.

Bagi proses pembentukan kata pula, TBD telah menetapkan hanya ada tiga proses sahaja dalam bahasa Melayu, iaitu proses pengimbuhan, proses pemajmukan, dan proses penggandaan. TBD tidak menganggap akronim sebagai satu proses dengan alasan bahawa proses pembentukannya yang longgar di samping tidak berlandaskan prinsip-prinsip morfologi yang jelas. TBD telah menolak proses tersebut untuk mengelakkan kekeliruan di kalangan pengguna, serta tidak mahu kata akronim dibentuk dengan sewenang-wenangnya seperti yang berlaku di Indonesia.

TBD turut menjelaskan status pengimbuhan asing. Semua imbuhan asing hendaklah dieja secara bercantum dengan kata dasarnya. Sebelum ini ramai yang agak keliru dengan sistem pengejaan perkataan yang mempunyai imbuhan asing.

TBD turut memberikan penekanan terhadap aspek sintaksis. Para penulis TBD telah memasukkan konsep frasa dan binaan ayat yang melibatkan bahagian subjek dan predikat dengan lebih jelas supaya lebih mudah difahami.

TBD turut menyentuh tentang penggunaan ayat majmuk yang sering menimbulkan kekeliruan di kalangan pengguna bahasa Melayu. Oleh itu, TBD menetapkan bahawa dalam bahasa Melayu terdapat tiga jenis ayat majmuk, iaitu ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan, dan ayat majmuk campuran. Binaan dan pecahan kepada unit-unit yang lebih kecil dijelaskan dengan beberapa contoh.

TBD juga memberi penekanan kepada ayat pasif yang sukar difahami dan dikuasai oleh pengguna. Perbincangan tentang ayat pasif ini melibatkan penggunaan kata ganti nama diri pertama, kedua, dan ketiga.

TBD turut membincangkan kekeliruan dalam penggunaan kata pemeris "ialah" dan "adalah". Penggunaan kata pemeris "ialah" telah ditetapkan secara persamaan atau ekuatif, iaitu hadir di hadapan frasa nama. Kata pemeris "adalah" secara huraian atau kualitatif, iaitu hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama.

Proses penerbitan ayat dalam bahasa Melayu juga telah ditetapkan kepada tiga proses, iaitu pengguguran, penyusunan semula, dan peluasan.

3.4.4 PENETAPAN HAL-HAL LAIN

Buku tatabahasa TBD turut menetapkan beberapa hal lain. Satu daripadanya ialah penetapan konsep preskriptif dalam penulisan buku tatabahasa ini. Konsep preskriptif menentukan apa yang betul dan apa yang salah, sesuai untuk kegunaan guru dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, penggunaan konsep preskriptif tidaklah sepenuhnya kerana TBD turut menggunakan pendekatan eklektik ataupun campuran. Buku PBM (1) menjadi asas kepada penulisan buku TBD, dan digabungkan dengan pendekatan Transformasi Generatif.

Dalam menentukan sesuatu perkara seperti jumlah bentuk kata, bilangan kata, binaan ayat majmuk, dan seumpamanya, kesepakatan ahli-ahli bahasa telah diambil kira. Bermakna para penulis buku tatabahasa ini tidak membuat keputusan sendiri tetapi keputusan dicapai melalui konsep "mesyuarah" atau perbincangan antara ahli bahasa.

Dari aspek peristilahan, buku TBD menggunakan banyak istilah baharu bagi menerangkan konsep yang ingin diperkenalkan. Istilah-istilah yang digunakan ini sememangnya tidak terdapat dalam buku tatabahasa yang lain. Secara tidak langsung penggunaan istilah-istilah baharu ini dapat memperkaya istilah dalam bahasa Melayu.

TBD turut menetapkan cara pengejaan kata majmuk. Terdapat hanya lima belas kata majmuk yang dieja secara bercantum, iaitu kata majmuk yang dianggap telah mantap. Selain daripada itu ia haruslah dieja secara terpisah.

TBD turut melengkapkan huraian mengenai penggunaan penjodoh bilangan. Penjodoh bilangan hadir bersama-sama dengan kata nama dan kata bilangan. Manakala bentuk "-nya" dihuraikan berdasarkan tiga fungsi, iaitu kata ganti nama orang ketiga, penekan, dan pembenda.

Manakala kata tugas ditambah keahliannya kepada enam belas, iaitu kata penekan dan kata pembenda. Subgolongan ini perlu untuk menghuraikan salah satu fungsi "-nya".

Selain itu, TBD telah menetapkan bahawa tidak terdapat kata adverba dalam bahasa Melayu. Konsep adverba bermakna bentuk kata yang berfungsi menerangkan kata kerja dalam predikatnya. TBD menolak

konsep ini kerana bahasa Melayu telah mempunyai empat predikat. Walau bagaimanapun, TBD mengiktiraf wujudnya kata adverba dalam bahasa Melayu tetapi tidak menggolongkan dalam golongan kata utama sebaliknya memasukkannya ke dalam salah satu golongan kata yang sedia ada.

3.5 CIRI-CIRI PENULISAN BUKU TATABAHASA DEWAN

Ada beberapa ciri dalam penulisan buku tatabahasa TBD. Antara ciri-cirinya ialah:

3.5.1 MENTALISME

Penulisan TBD yang menggunakan pendekatan transformasi generatif menuntut proses penggunaan minda secara optimum. Ini berdasarkan penggunaan rumus terutamanya dari aspek sintaksis. Penggunaan rumus memerlukan tahap pemikiran yang tinggi untuk mengingat serta mengaplikasi rumus-rumus yang ada dalam sesuatu ayat.

3.5.2 ALAT PEMEROLEHAN BAHASA ATAU 'LAD (LANGUAGE ACQUISITION DEVICE)'

Chomsky mengatakan bahawa tatabahasa itu berada di dalam otak kerana manusia telah diperlengkap semula jadi dengan LAD untuk

memperolehi bahasanya. Dengan kata lain, LAD merupakan alat yang inat, yang tersedia ada dalam otak manusia sewaktu ia dilahirkan dan yang merupakan kurniaan Tuhan. Manusia telah dirancang sebagai makhluk berbahasa yang dapat membezakannya daripada haiwan. Manusia hanya perlu memperkembang potensi bahasa yang ada dalam dirinya. Jadi, penulisan TBD dapat menggunakan potensi berbahasa yang ada dalam diri manusia itu untuk pemerolehan bahasanya. (Mangantar Simanjuntak, 1988)

3.5.3 KEMAMPUAN DAN PERLAKUAN BAHASA

Ciri ini mempunyai perkaitan dengan tahap pemerolehan bahasa seseorang manusia. Menurut Chomsky, kemampuan bahasa seseorang itu adalah kebolehan generatif yang ada pada seseorang penutur dari segi kebolehannya menggunakan bahasa. Manakala perlakuan bahasa dianggap oleh Chomsky sebagai penggunaan bahasa yang lazimnya tidak mencerminkan sepenuhnya kemampuan bahasa seseorang penutur di atas faktor-faktor tertentu seperti terbatuk-batuk atau terbahak-bahak, ditekan oleh keadaan kesakitan atau keletihan, ditimpa oleh tekanan emosi yang mengganggu perjalanan fikiran, dan sebagainya. Demikian juga yang mendengar tetap memahami, walaupun terdapat bahagian-bahagian yang hilang atau tidak kedengaran langsung. (Nik Safiah Karim, 1988)

Chomsky beranggapan bahawa perlakuan bahasa atau bahasa yang

dipertuturkan oleh manusia tidak mencerminkan seratus peratus pengetahuan sebenar penutur tentang bahasanya.

3.5.4 STRUKTUR DALAMAN DAN STRUKTUR PERMUKAAN

Berkaitan dengan kemampuan bahasa, timbul dua konsep baharu dalam analisis transformasi *generatif, iaitu struktur dalaman (*deep structure*) dan struktur permukaan (*surface structure*). Ayat-ayat dikatakan mempunyai struktur permukaan, iaitu diketahui atau disedari oleh penuturnya, dan struktur ini dimanifestasi melalui bunyi atau ejaan. Pada peringkat struktur dalaman, segala-galanya wujud bagi membolehkan seseorang mengetahui makna sesuatu ayat.

Contoh:


Ayat-ayat Dalam Pantun Melayu

SP: Puas sudah kutanam padi,
Nanas juga ditanam orang;
Puas sudah kutanam budi,
Emas juga dipandang orang.


SD: (Aku) sudah puas (me)nanam padi,
Orang (me)nanam nanas juga;
(Aku) sudah puas (me)nanam budi,
Orang (me) mandang emas juga.

(Rafizah Mohd. Rasidi, 1998/99)

Contoh Ayat Dalam Baris 1



Rajah 3.1: Rajah Pohon S:D



Rajah 3.2: Rajah Pohon S:P

(Rafizah Mohd. Rasidi, 1998/99)

3.5.5 RUMUS TATABAHASA


Teori transformasi generatif mengandaikan adanya dua peringkat struktur ayat. Kedua-dua peringkat struktur ini diterbitkan oleh dua jenis hukum atau rumus tatabahasa, iaitu rumus struktur frasa (yang menerbitkan ayat-ayat pada peringkat struktur dalaman), dan rumus transformasi (yang berfungsi menukarkan pola atau struktur ayat-ayat hingga membawa kepada peringkat struktur permukaan. (Nik Safiah Karim, 1988)

3.5.6 RAJAH POHON

Rajah pohon terhasil daripada rumus-rumus untuk menunjukkan hubungan yang gramatis antara berbagai-bagai bentuk kata yang terdapat pada sesuatu ayat dasar. Dengan kata lain, rumus-rumus ini berfungsi untuk memperlihatkan hubungan dalam ayat yang dihasilkan. Tujuan binaan rajah pohon ialah supaya pengguna bahasa dapat melihat dengan jelas corak atau binaan sesuatu ayat itu. (**Tatabahasa Dewan**, 1996)

Contoh:

A: [Pelajar itu membeli buku di kedai Pak Ali]




Rajah 3.3

3.5.7 DARI AYAT TURUN KE BAWAH

Ciri ini memperlihatkan binaan ayat yang direalisasikan dalam bentuk untaian. Berdasarkan binaan rajah pohon, aspek sintaksis direalisasikan dalam bentuk untaian. Ciri ini dapat memperlihatkan kepada pengguna bahasa dengan lebih jelas binaan sesuatu ayat itu.

Contoh:

A : [Bapa Farhana seorang guru di Sek. Men. Keb.
King George V, Seremban.]



Rajah 3.4

3.6 PENILAIAN TERHADAP PENULISAN BUKU TATABAHASA DEWAN

Penghasilan buku TBD dikatakan telah melenyapkan banyak kekeliruan di kalangan masyarakat. Bahasa Melayu kini telah mempunyai sistem tatabahasa yang mantap untuk dijadikan pegangan. Kelahiran TBD

Edisi Baharu menunjukkan bahawa DBP peka dengan pandangan, teguran, dan cadangan daripada pelbagai pihak.

Menurut Arbak Othman (1988), kebijaksanaan pertama daripada tatabahasa generatif yang dapat difikirkan sebagai relevan untuk pengajaran bahasa adalah untuk penghuraian baharu tentang bahasa itu sendiri. Ahli-ahli tatabahasa transformasi menggunakan sintaksis sebagai asas corak dan penggunaan bahasa, memberi penekanan kepada kepentingan mengetahui pada tingkat fungsian cara-cara unsur-unsur sintaksis yang universal diletakkan bersama bagi mengenal makna tertentu pada permukaan sesuatu bahasa.

Sebagai sebuah buku tatabahasa bersifat pedagogi, TBD sesuai digunakan untuk tujuan akademik. Pelajar dilatih mengaplikasi rumus dan hukum-hukum dalam mempelajari asas atau struktur binaan bahasa yang kuat dan mantap. Walaupun ada dikatakan bahawa penggunaan rumus tidak sesuai namun hanya penting dalam konteks menguji keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Penulisan **Tatabahasa Dewan** dikatakan penulisan rumus dan pola-pola seperti mata pelajaran Matematik. Ramai mengatakan ianya tidak sesuai dan selari dengan konsep penggunaan bahasa (fenomena ehsan). Sebaliknya pula jelas terlihat bahawa peraturan-peraturan yang

ditetapkan dalam mempelajari sesuatu bahasa itu bertepatan dengan 'teori' atqakum, kerana manusia itu sendiri dibatasi dengan peraturan dan undang-undang bagi tujuan mengharmoniskan kehidupan bermasyarakat. Tanpa hukum dan peraturan hidup manusia akan lepas bebas tanpa dasar yang kukuh bagi mengikat manusia itu dengan Penciptanya.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, undang-undang dan peraturan amat penting bagi tujuan menilai pencapaian para pelajar. Jika tidak ada peraturan atau undang-undang, amat sukar membuat penentuan dalam konteks lulus-gagalnya para pelajar. Struktur tatabahasa bahasa Melayu perlu mantap dan dikuasai oleh guru dan pelajar untuk meningkatkan penguasaan dan kualiti penggunaan bahasa Melayu. Penguasaan rumus yang mantap juga akan mampu melahirkan masyarakat pengguna bahasa yang boleh berkreatif.

Buku TBD merupakan sebuah buku tatabahasa pegangan, merupakan rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, di samping menjadi rujukan bagi pengguna bahasa.

TBD membincangkan tatabahasa dari aspek morfologi dan sintaksis. Penulisan TBD juga membincangkan aspek-aspek baharu dalam bidang tatabahasa, serta membuat penetapan terhadap beberapa perkara berkaitan dengan tatabahasa bahasa Melayu. Kepekaan TBD

terhadap kritikan semasa telah melahirkan TBD Edisi Baharu (1996) bagi memenuhi keperluan, di samping mengurangkan banyak kekeliruan di kalangan pengguna bahasa.

Penulisan TBD yang membincangkan aspek tatabahasa di peringkat ayat belum dapat memenuhi kerangka penulisan dengan 'teori' atqakum. Sebagai sebuah buku tatabahasa penulisan semula PBM (1), TBD belum mampu untuk menyaingi keunggulan hasil karya Za'ba. Walau bagaimanapun, melalui pendekatan gabungjalin secara deskriptif yang diusahakan oleh penulis-penulis TBD, buku tatabahasa ini mampu menjadi sebuah buku rujukan bagi pengguna bahasa terutamanya dalam memenuhi keperluan pendidikan masa kini.

3.7 PENILAIAN PENGUPAYAAN 'TEORI' ATQAKUM DALAM TBD

TBD didapati ada mengupayakan sebahagian daripada konsep-konsep yang terkandung dalam 'teori' atqakum, walaupun tidak mengupayakannya seratus peratus.

Di bahagian awal, TBD menurunkan sejarah ringkas bahasa Melayu, Bahasa Melayu Kuno, serta perkembangan bahasa Melayu pada abad ke-7, ke-14, zaman pemerintahan Belanda dan Inggeris, dan bahasa Melayu pada zaman baharu dengan perancangannya. Asal usul bahasa yang diupayakan dalam penulisan TBD walau bagaimanapun tidak

menepati konsep yang terkandung dalam 'teori' atqakum ('allahulbayan), iaitu bahasa itu adalah anugerah yang tidak ternilai yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. kepada manusia. Berdasarkan 'teori' atqakum, bagi tujuan mencari asal usul bahasa Melayu, perlulah berteraskan sumber aqli dan disendikan dengan sumber naqli.

Konsep fungsi bahasa (Liya'budu) turut diupayakan dalam penulisan TBD, iaitu di bahagian sintaksis. Kajian-kajian terhadap ayat-ayat dalam bahasa Melayu dihuraikan dengan sistem dan rumus-rumus tertentu. Kajian sintaksis yang terperinci dengan menggunakan pendekatan transformasi generatif dapat memenuhi tujuan berkomunikasi, sama ada bersifat urusan atau keperibadian. Walau bagaimanapun ada baiknya jika penulisan TBD mengupayakan konsep Liya'budu (supaya beribadah) dalam mengkaji ayat-ayat.

Penulisan TBD yang menggunakan pendekatan eklektik (tradisional dan moden) tidak menepati konsep moden-tradisional dalam 'teori' atqakum. Disarankan supaya tradisional yang diupayakan itu merujuk kepada nilai baik yang telah mantap, dan moden pula nilai baik yang belum sebatu. Jika penulisan sesebuah buku tatabahasa mengupayakan konsep moden-tradisional berdasarkan 'teori' atqakum, hasil penulisan yang diusahakan akan menepati pendekatan Melayu-Islam yang sesuai dengan bawaan diri orang-orang Melayu.

Bagi konsep korpus-ayat yang terkandung dalam 'teori' atqakum, penulisan TBD tidak menepati konsep tersebut. Penulisan TBD yang mengkaji ayat-ayat tunggal, tidak mengkaji data linguistik sebagai makhluk yang perlu didekati secara kulli sehingga menyangkut korpus ghaibi. Dengan pendekatan 'teori' atqakum, korpus perlu dianalisis secara aqli dan naqli, bukan secara sempit dan terpisah-pisah seperti korpus atau intuisi, atau korpus campur intuisi.

TBD memerikan bahasa Melayu dengan lengkap (meliputi morfologi dan sintaksis) menepati konsep sejagat-wakhtilaf, iaitu perbezaan atau kenekaan bahasa sebagai tanda kemahabesaran Allah S.W.T., malah selari dengan konsep kearbitrarian ('allama). Konsep 'allama (mengajarkan) melihat bahasa sebagai fitrah kerana hubungan antara bahasa dengan manusia terungkap di dalam Al-Quran (2:31; 55:4).

Walau bagaimanapun, TBD tidak mengupayakan konsep 'haqqulyaqin dalam penulisannya. Kajian ayat hanya meliputi struktur permukaan dan struktur dalaman sahaja. Kajian bahasa tidak semestinya terhad kepada aspek yang konkrit semata-mata, tetapi perlu melihat korpus ke peringkat haqqulyaqin, iaitu menyatukan aspek jasad, 'aqaal, qalb, nafs, dan roh yang ada di dalam diri manusia dengan pertolongan Allah S.W.T.

Penulisan TBD dalam aspek morfologi tidak mengupayakan konsep penggolongan kata khaliq-makhluk. Dalam TBD, taksonomi penggolongan katanya tidak membezakan khaliq dengan makhluk untuk maksud kata nama khas yang boleh mengelirukan yang melibatkan aqidah. Penggolongan kata nama khas untuk khaliq perlu diupayakan kerana sesuai dengan nama Allah S.W.T. yang banyak dalam kosa kata bahasa Melayu.

Konsep makna tinggi-rendah dalam penulisan buku tatabahasa ini, didapati TBD tidak mengupayakannya. Sesuatu kata berdasarkan 'teori' atqakum, ialah merujuk kepada sudut pandangan tertentu. Kita sebagai manusia tidak sedar atau kurang kesedaran tentang wujudnya makna tinggi-rendah sesuatu kata itu.

Contohnya [mati]. Dalam konteks para syuhada, [mati] dikatakan [hidup]. Dengan memberikan ciri kosa kata bahasa Melayu dalam kamus dengan ciri tambahan ini, dapatlah memandu supaya lebih tentu budaya dalam penggunaan bahasa. (Sanat Md. Nasir, 1998)

Berdasarkan 'teori' atqakum, tatabahasa yang melibatkan morfologi dan sintaksis masih terangkum dalam tatabahasa sempit. Tatabahasa luas perlu menyamai konsep bahasa, iaitu mengambil kira persoalan kalbu, roh, dan nafsu yang ada dalam diri pengguna bahasa Melayu.

Dengan mengupayakan perkara di atas, penulisan lebih komunikatif dan boleh mencapai kepada atqakum. Konteks penggunaan sebenar unsur morfologi dan sintaksis dalam kehidupan seharian perlu juga diberikan.

Penulisan yang mengupayakan 'teori' atqakum akan memungkin masyarakat pengguna bahasa mempelajari dan lebih memahami realiti dunia sebenarnya. Penulisan TBD didapati belum mencapai tahap kepada atqakum kerana penulisannya berpegang teguh kepada aplikasi teori. 'Teori' atqakum bukan sekadar teori yang perlu diterapkan, tetapi perintah supaya bertaqwa disisi Allah S.W.T. dalam mengupayakan sesuatu penulisan itu.

3.8 KRITIKAN TERHADAP TATABAHASA DEWAN

Penulisan buku **Tatabahasa Dewan** menerima kiritikan daripada pelbagai pihak. Buku tatabahasa ini dikatakan ditulis oleh sarjana penggilap yang lebih mementingkan struktur bahasa Melayu daripada penggunaan bahasa Melayu itu sendiri. Penulisan **Tatabahasa Dewan** ditulis setelah lahir teori termantap, yang kemudiannya barulah diacukan ayat-ayat bahasa Melayu untuk dihasilkan benda yang dinamakan nahu Melayu.

Tatabahasa Dewan juga dikatakan menggunakan konsep "fenomena ehsan-teori" atau '*theory-first approach*', iaitu cara manusia ahli bahasa memperalatkan linguistiknya semasa memori secebis nahu bahasa Melayu yang akan terdorong oleh kehendak teori nahu yang dianutinya. (lihat **Peneroka dan Penggilap**, Azhar M. Simin)

Tatabahasa Dewan yang ditulis oleh sarjana penggilap ini memilih pendekatan eklektik. Walau bagaimanapun, pendekatan eklektik yang dimaksudkan adalah konsep eklektik satu-satu. Buku tatabahasa **Pelita Bahasa Melayu (1)** menjadi asas kepada penulisan buku tatabahasa ini, dan turut digabungkan dengan pendekatan lain khasnya pendekatan Transformasi Generatif.

TBD tidak memori unsur nahu "yang" sebagai "ganti nama sendi pengasing", tetapi memori "yang" sebagai "kata nama relatif". Jikalau benar TBD merupakan penulisan semula PBM (1), dalam hal ini TBD tidak menggambarkan unsur nahu Melayu "yang" seperti yang dilakukan oleh Za'ba.

Buku Tatabahasa Dewan dikatakan sebagai sebuah buku nahu punca maklumat struktur bahasa kerana ia bertunjangkan kaedah yang mementingkan pembinaan dan penyusunan perkataan. Ini bermakna ahli-ahli bahasa tempatan bersetuju (persetujuan secara kolektif) bahawa nahu

pegangan seharusnya nahu sumber maklumat struktur bahasa, bukan nahu sumber maklumat pengguna bahasa.

Menurut Azhar M. Simin (dalam Peneroka dan Penggilap), penulisan nahu jenis nahu ayat walaupun berguna dan bermanfaat, tetapi ia bukanlah nahu yang paling sesuai untuk memeri bahasa Melayu dalam konteks penggunaan atau berkomunikasi. Nahu ayat lebih mementingkan rumus dan peraturan. Malah nahu ayat dianggap sudah terkebelakang, lebih-lebih lagi dalam masyarakat global hari ini kerana istilah nahu ayat dikatakan dicipta untuk menonjolkan keasyikan penahu T-G dengan mengkaji ayat-ayat tunggal sahaja.

Menurut beliau lagi, dalam konteks pembelajaran bahasa, ahli-ahli tatabahasa generatif tidak begitu pasti tentang cara-cara yang tepat seseorang penutur itu menguasai bahasa ibundanya, mahu pun tentang cara sesuatu bahasa itu dipelajari. Mereka beranggapan bahawa proses kognitif dalam pembelajaran bahasa bermula daripada aturan umum atau universal yang ada pada bahasa.

Menurut Abdullah Hassan (1996), pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu pada masa ini amat berat bergantung kepada buku tatabahasa yang dikarang oleh Za'ba dalam tahun 1940-an dulu. Sudah banyak kali disyorkan supaya dikaji serta diperbaiki, dan disusun semula,

tetapi belum pernah diberi perhatian yang serius oleh ahli-ahli bahasa. Antara percubaan dalam mengarang tatabahasa yang lebih kemaskini dijalankan ialah penulisan **Tatabahasa Dewan** dengan pendekatan T-G. Namun ia tidak begitu dimengerti oleh ramai orang kerana sukar untuk difahami oleh orang-orang biasa. Ini dipersetujui oleh Azhar M. Simin yang mengatakan bahawa penulisan Tatabahasa Dewan adalah 'fenomena ehsan-teori' yang hanya boleh dimengerti oleh masyarakat ahli bahasa sahaja.

Menurut Azhar M. Simin lagi, TBD dikatakan tidak selari dengan konsep "fenomena sebenar", iaitu bagaimana manusia biasa memperlakukan bahasanya untuk menjayakan tujuan perhubungan tertentu. Penggunaan konsep "fenomena ehsan-teori", terdorong oleh kehendak teori nahu yang dianuti oleh ahli bahasa tersebut, maka dia akan memilih cara pemerian yang sesuai dengan teori yang dianutinya. Contohnya, jika benda yang diperi adalah "ganti nama relatif" (istilah TBD), iaitu "yang", maka ia bukan lagi merupakan alat penting bagi manusia biasa untuk "mengasingkan benda", tetapi sebagai sebahagian ayat kecil yang dipancangkan ke dalam ayat induk, dan menjadi sebahagian daripada ayat induk tersebut. TBD adalah semacam nahu penggilap yang lebih mementingkan struktur bahasa Melayu daripada penggunaan bahasa Melayu itu sendiri. TBD tidak menggunakan konteks sebenar penggunaan unsur seperti yang dilakukan Za'ba. Dikatakan juga bahawa nahu T-G

tidak menjadi tunjang dalam TBD, tetapi semacam dilampirkan sahaja di bab akhir, semacam bukti bahawa nahu ini tidak mampu menggambarkan nahu manusia biasa.

3.9 CADANGAN TERHADAP PENULISAN TATABAHASA DEWAN

Buku TBD perlu membuat penambahan selepas bidang sintaksis dengan membincangkan bidang wacana. Adalah diandaikan bahawa pengguna bahasa akan menguasai pula bidang wacana selepas mereka menguasai bidang morfologi dan sintaksis. Manakala penulisan tatabahasa yang berlandaskan 'teori' atqakum perlu dilaksanakan dalam proses melakukan pembaharuan atau perubahan terhadap buku tatabahasa ini.

Sebagai sebuah buku tatabahasa pegangan, semestinya penulis-penulis TBD mengambil inisiatif dalam melakukan 'kerja-kerja' pembedahan atau penambahan selari dengan 'penemuan' input-input baharu dalam bidang tatabahasa, terutamanya dari aspek fungsi sesuatu morfem, iaitu komponen dalam bidang morfologi. Contohnya, kajian ini menurunkan fungsi morfem terikat ter-. Selain berfungsi menunjukkan perbuatan atau kerja yang dilakukan secara tidak sengaja dan menunjukkan darjah yang tertinggi, ia juga berfungsi untuk menunjukkan atau menerangkan ketidakupayaan sesuatu perkara itu dilakukan oleh si pelaku.

Contoh:

- 3.1 [Saya tidak **terangkat** peti yang berat itu.]
- 3.2 [Wanita itu sudah tidak **tertangis** lagi akan kematian anak sulungnya.]

Kajian ini berpendapat bahawa fungsi ter- dalam konteks menerangkan ketidakupayaan sesuatu perkara itu dilakukan oleh si pelaku hanya tertumpu kepada penggunaan kata kerja sahaja. Dalam contoh 3.1 dan 3.2, perkataan [**terangkat**] dan [**tertangis**] merupakan kata kerja.

Fungsi morfem ter- apabila digabungkan dengan kata dasar yang mendukung makna kerja atau perbuatan, perkataan itu akan mampu menggambarkan ketidakupayaan sesuatu perkara itu dilakukan oleh si pelaku.

Maka, fungsi morfem ter- tidaklah terhad bagi menunjukkan perbuatan atau kerja yang dilakukan secara tidak sengaja, dan menunjukkan darjah yang tertinggi sahaja. Fungsinya boleh diperluaskan mengikut konteks ayat. Fungsi morfem terikat ter- perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas, iaitu dengan menggunakan pendekatan wacana yang lebih komunikatif.

Dalam usaha melakukan 'kerja-kerja' pembetulan atau penambahan yang selari dengan 'penemuan' input-input bahan dalam bidang

tatabahasa, penulis-penulis TBD perlu lebih peka terhadap perkembangan bahasa yang begitu pesat, lebih-lebih lagi dengan perkembangan dan pembentukan istilah-istilah bahas pada zaman teknologi maklumat kini.

3.10 PENUTUP

Penulisan buku **Tatabahasa Dewan** sememangnya satu usaha yang perlu diberikan pujian kerana dengan kaedah penulisan secara eklektik (walaupun dikatakan eklektik satu-satu), pengguna bahasa mendapat pendedahan tentang sistem dan struktur tatabahasa bahasa Melayu yang mantap, yang telah diterima sebagai pegangan dengan jelas.

Buku Tatabahasa Dewan dapat melenyapkan banyak kekeliruan di kalangan pengguna bahasa Melayu. Kelahiran buku **Tatabahasa Dewan Edisi Baharu** menunjukkan bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka peka dengan pandangan, cadangan, dan teguran daripada pelbagai pihak. Tokok tambah dalam TBD Edisi Baharu menjadikan ia sebuah buku yang lebih mantap. Buku ini sangat berguna khasnya kepada para pelajar kerana ia mendekatkan pelajar dengan 'dunia' bahasa Melayu, di samping objektif utama untuk mempertingkatkan kemahiran berbahasa dalam subjek bahasa Melayu.